

Untuk Terbitan Media
9 Jun 2026

SIARAN MEDIA

JATUH TANGGA DI RUMAH: PEMUDA SABAH ANTARA PENERIMA TERAWAL FAEDAH LINDUNG 24 JAM

KUALA LUMPUR — Seorang pemuda yang cedera parah akibat terjatuh tangga di rumahnya menjadi antara penerima terawal faedah Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) atau LINDUNG 24 Jam.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam satu kenyataan memaklumkan, bantuan komprehensif diberikan termasuk pembiayaan penuh rawatan serta prosedur implan tulang belakang itu diluluskan selepas semakan mendapati, mangsa merupakan pencarum aktif skim baharu yang dikuatkuasakan pada 1 Jun lepas.

"Meskipun insiden malang pada 6 Jun itu berlaku di luar waktu bekerja, status caruman aktif mangsa, Arnold Nathanael Lister, 24, melayakkan beliau menerima jaringan keselamatan sosial sepenuhnya bagi mengelakkan impak bebanan kewangan yang kritikal.

"Mangsa juga layak menerima Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) sebagai gantian pendapatan sepanjang tempoh mangsa tidak bekerja atas pengesyoran doktor," kata Pertubuhan itu.

Mangsa yang berasal dari Penampang, Sabah ini turut menerima pembekalan peralatan pemulihan termasuk kerusi roda khas (commode wheelchair) dan alat pengurusan beg saliran air kencing, disusuli kemudahan rawatan fisioterapi percuma di bawah Program Return To Work (RTW) PERKESO mengikut tahap kesediaannya kelak.

Menurut PERKESO lagi, kes yang menimpa Arnold adalah bukti nyata keberkesanan skim LINDUNG 24 Jam.

"Sebelum ini, pekerja yang ditimpa kemalangan domestik di rumah sering terperangkap tanpa perlindungan kewangan, namun skim baharu ini bertindak sebagai talian hayat segera bagi menanggung kos rawatan dan menjamin kelangsungan hidup pencarum.

Terdahulu, dalam kejadian sekitar jam 5.20 pagi itu, Arnold yang menetap di Kampung Kaambazan Kolopis, Penampang, dilaporkan sedang bersiap untuk ke tempat kerja. Memandangkan kediamannya sedang diubah suai, mangsa terpaksa menggunakan tangga untuk ke bilik mandi sebelum tergelincir dan terjatuh.

Impak trauma berkenaan menyebabkan mangsa mengalami kecederaan serius melibatkan patah serta himpitan pada tulang belakang dan beliau kini dirawat di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

PERKESO mengingatkan semua majikan dan pekerja di seluruh negara untuk memastikan potongan caruman dipatuhi sebaiknya demi menjamin perlindungan 24 jam yang optimum daripada sebarang kemalangan luar jangka.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

9 Jun 2026